

17/08/2000

Misteri kekebalan hanya khayalan

Low Kok On

DAKWAAN kumpulan Al Ma'unah bahawa mahagurunya kebal membuktikan kepada kita bahawa sehingga alaf baru ini, konsep kebal masih hidup di kalangan sesetengah ahli masyarakat.

Laporan sebuah akhbar pada 16 Julai 2000, melaporkan di Indonesia, asalkan seseorang sanggup membayar sejumlah wang, dia akan memperoleh ilmu kebal dan ilmu ghaib. Malah hal ini diiklankan secara terang-terangan.

Dalam satu wawancara yang tersiar melalui televisyen pada 19 Julai 2000, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menyatakan bahawa sedangkan Nabi sendiri pernah cedera dalam peperangan, manusia biasa yang mana satukah boleh jadi kebal? Ternyata pada kebanyakan orang yang hidup dalam zaman yang serba moden ini, kekebalan itu cuma satu khayalan daripada kenyataan.

Soalnya, mengapakah konsep yang dianggap karut oleh sesetengah orang pada masa kini masih dipercayai oleh sebilangan orang yang lain pula?

Jika diteliti, konsep kebal memiliki satu rentetan sejarah yang panjang. Kekebalan merupakan satu ciri yang universal untuk wira tersohor di serata dunia ini.

Achilles, wira legenda klasik Yunani, umpamanya digambarkan sebagai wira yang kebal (Collier's Encyclopedia, Vol. 1, 1989 : 70). Begitu juga dalam masyarakat Cina dan bangsa lain mempunyai wira kebalnya yang tersendiri. Untuk mendalami konsep kebal yang penuh misteri ini, adalah menarik untuk kita meninjau kisah wira kebal yang tersebar luas di kalangan masyarakat.

Dalam Hikayat Hang Tuah, dicatatkan sesiapa memiliki keris Taming Sari, orang itu akan menjadi kebal seperti Taming Sari iaitu pahlawan Majapahit yang tersohor pada zaman lampau. Ketika Hang Tuah bertarung dengan Taming Sari (Hikayat Hang Tuah 1992 : 165-166), beginilah katanya: "Apakah dipakainya, maka tiada lut ku parang? Tetapi pada firasatku sebab kerisnya inilah tiada dapat ditentang lawan dan tiada lut ku parang tubuhnya ini,".

Adegan yang terkandung dalam Hikayat Hang Tuah ini membolehkan kita membuat andaian konsep kebal sudahpun wujud di kalangan masyarakat Melayu lampau di Nusantara.

Taming Sari menjadi kebal disebabkan dia ada sebilah keris sakti. Begitu juga dengan Hang Tuah setelah memperolehi keris Taming Sari.

Kekebalan yang dimaksudkan ialah orang itu tidak akan dilukai oleh senjata tajam. Adegan ini menunjukkan masyarakat di alam Melayu pada masa itu percaya bahawa wira sanjungan mereka kebal.

Konsep kebal terus dihidupkan pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Tok Janggut, pejuang Kelantan yang menentang penjajahan British juga dipercayai kebal oleh penduduk kampungnya.

Berdasarkan cerita rakyat yang tersebar luas pada masa itu, diceritakan bahawa tatkala dilahirkan, Tok Janggut memiliki sebuah uri yang luar biasa besar dan tebal.

Bidan kampung menyuruh ibu Tok Janggut supaya mengeringkan uri itu dan kemudian dicampurkan dengan bubur untuk dimakan Tok Janggut. Ibu Tok Janggut menuruti apa yang disuruh oleh bidan kampung, dan atas sebab itu Tok Janggut menjadi kebal (Ibrahim Nik Mahmood, 1974 : 65).

Tidak ketinggalan, Mat Salleh seorang lagi pejuang di Sabah yang menentang penjajahan Kompeni Berpiagam Borneo Utara turut dipercayai kebal.

Pernah diceritakan oleh penduduk tempatan Sabah pada masa itu, Mat Salleh telah menjalani satu upacara suci yang dikenali sebagai `upacara

kebal'. Dalam berbuat demikian, seseorang yang ingin kebal harus memakai pakaian pahlawan yang lengkap dan masuk ke dalam rimba.

Di sana orang itu harus berpuasa tiga hari tiga malam sambil berzikir. Jika ia berjaya, pada hari ketiga roh nenek moyangnya akan turun untuk berkomunikasi dan memberi petunjuk kepada orang yang ingin menjadi kebal. Tidak banyak orang yang berani berbuat demikian kecuali Mat Salleh.

Panglima Nayan iaitu 'Robinhood Kedah' pada sekitar 1900 juga dipercayai kebal.

Panglima Nayan menjadi terkenal disebabkan beliau merompak harta orang kaya dan kemudian menolong orang miskin.

Menurut legenda orang kampung pada masa itu, tidak ada senjata tajam yang dapat melukai Panglima Nayan kecuali parangnya sendiri. Namun akhirnya, hayat Panglima Nayan berakhir dalam satu serbuan polis.

Konsep kekebalan berbeza daripada seseorang kepada seseorang yang lain. Pakar kungfu, silat dan seni mempertahankan diri lain pernah membuat persembahan luar biasa seperti membiarkan orang menumbuk bahagian perutnya, memecahkan bata dengan kepalanya, membengkokkan palang besi dengan tekak luarnya atau sengaja dibiarkan ditetak oleh senjata tajam.